

46

SOALAN NO: 323

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI]
TARIKH : 05 MAC 2018 – 05 APRIL 2018
SOALAN : 323**

DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD [Langkawi] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kementerian berhasrat bagi memberi kebenaran kepada mana-mana pihak yang berkemampuan bagi membina sebuah hospital pakar swasta di mana pesakit-pesakit dari luar negara dan penduduk tempatan dapat menggunakan khidmat hospital tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) mengawal dan mengawalselia hospital swasta selaras dengan ketetapan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006 [P.U. (A) 138/2006].

Secara dasarnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tiada halangan terhadap cadangan penubuhan hospital swasta di Malaysia tertakluk kepada pematuhan ketetapan bawah Akta 586 dan peraturan-peraturannya.

Kementerian amat berharap pihak hospital swasta menyediakan perkhidmatan yang selamat dan berkualiti demi kepentingan pesakit tempatan dan luar negara serta seterusnya dapat mengharumkan nama negara di arena antarabangsa.

48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

SOALAN : 324

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini pengambilalihan perkhidmatan feri Pulau Pinang oleh Prasarana Malaysia Berhad dan sama ada kadar tambang bagi setiap kategori penumpang akan ditingkatkan selepas ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada masa ini sedang memuktamadkan dokumen perjanjian yang berkaitan bagi membolehkan Prasarana mengurus dan mengendalikan perkhidmatan Feri Pulau Pinang.

Berdasarkan Pelan Pembangunan Perkhidmatan Feri Pulau Pinang, Prasarana mempunyai perancangan menaiktaraf fasiliti terminal dan feri sedia ada serta membuat pembelian feri-feri yang baru dalam usaha menambahbaik mutu perkhidmatan feri. Walau bagaimanapun, Prasarana tidak mempunyai sebarang cadangan untuk menaikkan kadar tambang feri pada masa ini.